

02/04/2002

Lima guru besar keluar NUTP

Noh Ahmad

SEREMBAN, Isnin - Lima guru besar sekolah yang didakwa mengamalkan pengasingan murid di negeri ini, hari ini mengumumkan keluar daripada menjadi ahli Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) kerana tidak berpuas hati dengan kepemimpinan pertubuhan itu.

Tindakan serentak itu dilakukan selepas pertemuan khas di Sekolah Kebangsaan Senawang (SKS), dekat sini hari ini.

Jurucakap kumpulan guru besar berkenaan, Saliha Yahya, berkata tindakan itu dibuat berikutan tekanan yang diterima sejak isu itu dibangkitkan Setiausaha Agung NUTP, Datuk N Siva Subramaniam, Disember tahun lalu.

Katanya, beliau sendiri sudah menghantar surat keluar sebagai ahli NUTP pada 6 Februari lalu dan sudah mendapat maklum balas daripada pertubuhan berkenaan.

"Saya menerima surat balasan daripada NUTP pada 22 Mac lalu yang meminta memulangkan kad keahlian sebelum potongan bayaran yuran bulanan RM30 dihentikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pertemuan bersama tujuh guru besar lain di negeri itu yang sekolah mereka didakwa mengamalkan pengasingan murid.

Tujuh guru besar terbabit, ialah Amran Hamid dari Sekolah Kebangsaan Tunku Besar Tampin; Shaliha Mohd Nor (Sekolah Kebangsaan Puteri); Zakaria Abdul Hamid (Sekolah Kebangsaan Senawang 2); Hamzah Koleh (Sekolah Kebangsaan Taman Tasik Jaya); Fatimah Abdul Ghaffar (Sekolah Kebangsaan Rahang); Rokiah Mahat (Sekolah Kebangsaan Taman Paroi Jaya); dan Zainal Abidin Idris (Sekolah Kebangsaan St Eiden, Bahau).

Bagaimanapun, dua daripada lapan guru besar berkenaan tidak menjadi ahli NUTP, iaitu Amran dan Zainal Abidin, manakala Fatimah yang akan bersara bulan depan tidak berhasrat berbuat demikian.

Saliha yang juga guru besar SKS berkata, empat lagi guru besar dijangka mengambil tindakan sama sedikit masa lagi.

"Kami sudah hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan NUTP, khususnya terhadap Siva kerana seharusnya dia memperjuangkan nasib ahli, termasuk guru besar seperti objektif penubuhannya.

"Sebaliknya, beliau menghentam guru besar tanpa membuat siasatan rapi terlebih dulu. Tindakan yang tidak profesional ini menimbulkan kesusahan kepada guru besar terbabit," katanya.

Saliha juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta Siva meminta maaf kerana kesilapannya itu.

"Saya juga tidak menolak kemungkinan lebih ramai ahli di kalangan guru bertindak keluar daripada menjadi ahli NUTP," katanya.

Saliha berkata, Siva harus menulis surat memohon maaf kepada semua pengetua dan guru besar di 210 sekolah yang didakwanya mengamalkan dasar pengasingan murid yang didapati tidak benar.

"Permohonan maaf melalui media saja tidak mencukupi kerana tidak mencerminkan keikhlasan beliau menamatkan isu ini," katanya.

(END)